BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 06/04/32 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1830 pada hari Isnin, 28 Jun 2004**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mei 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pemberian pinjaman mapan pada bulan Mei, khususnya kepada PKS

Kadar faedah semasa yang rendah dalam persekitaran inflasi yang rendah terus menyokong aktiviti sektor swasta. Dengan kadar dasar semalaman (KDS) tidak berubah pada kadar 2.70%, kos peminjaman dan kadar berian pinjaman asas (BLR) institusi perbankan secara relatifnya kekal stabil. Arah aliran monetari terus menyokong permintaan dalam negeri yang mapan. Jumlah permohonan pinjaman kekal tinggi pada bulan Mei, berjumlah RM21.7 bilion atau kenaikan tahunan sebanyak 32.2%.

Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga meningkat pada bulan Mei. Pengeluaran pinjaman kepada sektor ini adalah lebih tinggi, berjumlah RM8.3 bilion, sementara sejumlah RM2.4 bilion diluluskan kepada 6,946 akaun PKS. Dari segi pinjaman terkumpul, peningkatan pinjaman kepada sektor perniagaan, termasuk kepada PKS serta sektor isi rumah menyebabkan jumlah pinjaman terkumpul mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 6.3% pada akhir bulan Mei berbanding 5.6% pada akhir bulan April.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 06/04/32 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1830 pada hari Isnin, 28 Jun 2004**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MEI 2004

Aktiviti pemberian pinjaman mapan pada bulan Mei, khususnya kepada PKS

Kadar faedah semasa yang rendah dalam persekitaran inflasi yang rendah terus menyokong aktiviti sektor swasta. Dengan kadar dasar semalaman (KDS) tidak berubah pada kadar 2.70%, kos peminjaman dan kadar berian pinjaman asas (BLR) institusi perbankan secara relatifnya kekal stabil. Arah aliran monetari terus menyokong permintaan dalam negeri yang mapan. Jumlah permohonan pinjaman kekal tinggi pada bulan Mei, berjumlah RM21.7 bilion atau kenaikan tahunan sebanyak 32.2%.

Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga meningkat pada bulan Mei. Pengeluaran pinjaman kepada sektor ini adalah lebih tinggi, berjumlah RM8.3 bilion, sementara sejumlah RM2.4 bilion diluluskan kepada 6,946 akaun PKS. Dari segi pinjaman terkumpul, peningkatan pinjaman kepada sektor perniagaan, termasuk kepada PKS serta sektor isi rumah menyebabkan jumlah pinjaman terkumpul mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 6.3% pada akhir bulan Mei berbanding 5.6% pada akhir bulan April.

Kadar faedah kekal rendah

Bagi tempoh 5 Mei-25 Jun, purata wajaran harian kadar semalaman antara bank turun naik dalam julat yang kecil antara 2.69 – 2.71%, dengan purata 2.70%.



Kadar semalaman antara bank berpurata 2.70% bagi tempoh 5 Mei – 25 Jun



Kadar antara bank kekal rendah



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai tambahan untuk mengekalkan keadaan monetari yang stabil



Pinjaman terkumpul yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan dalam nisbah pembiayaan-deposit kepada 89.8%

Berikutan perlaksanaan rangka kerja kadar faedah baru, purata BLR bank perdagangan lebih rendah sedikit pada kadar 5.98% pada akhir bulan Mei dan pada 15 Jun (6.00% pada akhir bulan April). Purata BLR syarikat kewangan tidak berubah pada kadar 6.90%. Kadar berian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan stabil pada kadar 6.07% pada akhir bulan Mei manakala ALR syarikat kewangan pula terus menurun kepada 8.82%.



ALR bank perdagangan stabil manakala ALR syarikat kewangan terus menurun

Pada 15 Jun 2004, kadar nominal deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil untuk tempoh matang satu hingga 12 bulan.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
Mei 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
15 Jun 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal stabil...



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Mei 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Jun 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

...begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar deposit tetap benar 3-bulan lebih rendah sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan Mei, ringgit susut nilai berbanding euro, paun sterling dan yen. Dolar AS naik nilai untuk sementara waktu pada awal bulan tetapi defisit perdagangan AS yang terus melebar pada bulan Mac dan sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih lemah daripada jangkaan serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan meningkat telah melemahkan prestasi dolar AS berbanding ketiga-tiga mata wang tersebut. Sementara itu, paun sterling disokong oleh jangkaan peningkatan kadar faedah yang berterusan oleh Bank of England.

Berbanding mata wang serantau, ringgit menunjukkan arah aliran yang bercampur. Ringgit susut nilai berbanding won Korea berikutan peningkatan nilai won disebabkan pembelian saham asing dan permintaan won oleh pengeksport. Sementara itu, rupiah Indonesia dan baht Thai terjejas teruk akibat kebimbangan terhadap kesan harga minyak yang lebih tinggi. Rupiah juga terjejas akibat ketidakpastian politik.

Bagi tempoh 1- 25 Jun, ringgit naik nilai berbanding euro dan paun sterling disebabkan dolar AS mengukuh berikutan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan meningkat ketika pengeluaran industri bertambah tinggi, harga pengeluar semakin meningkat dan tuntutan bantuan penganggur lebih rendah. Faktor-faktor ini lebih daripada mengimbangi tekanan ke atas dolar AS berikutan defisit akaun semasa AS yang lebih besar daripada jangkaan pada suku pertama 2004. Dolar AS susut nilai berbanding yen disebabkan pihak berkuasa Jepun menaikkan unjuran pertumbuhan serta berikutan peningkatan dalam lebihan dagangan Jepun pada bulan Mei. Ringgit terus kukuh berbanding kebanyakan mata wang serantau. Mata wang serantau

secara umumnya lemah berikutan kebimbangan terhadap kesan harga minyak yang lebih tinggi dan implikasi kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS.



Bagi tempoh 1-25 Jun, ringgit naik nilai berbanding euro dan paun sterling...



...dan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Mei 04	25 Jun 04	Mei 04	Akhir Mei 04 - 25 Jun 04	Akhir Dis 03 - 25 Jun 04	02 Sep 98 - 25 Jun 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.6381	4.6191	-1.9	0.4	3.4	-
Paun sterling	6.3708	6.9740	6.9274	-3.2	0.7	-2.3	-8.0
100 yen Jepun	2.7742	3.4616	3.5398	-0.4	-2.2	0.4	-21.6
Dolar Singapura	2.1998	2.2378	2.2285	-0.3	0.4	0.3	-1.3
100 baht Thai	9.3713	9.3792	9.3172	1.3	0.7	3.0	0.6
100 peso Filipina	8.8302	6.8070	6.7772	-0.3	0.4	1.0	30.3
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0410	0.0403	6.7	1.6	11.2	-12.2
100 won Korea	0.2827	0.3265	0.3301	-0.9	-1.1	-3.7	-14.4

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), terus berada pada tahap yang rendah dan stabil. Purata kadar inflasi tahunan untuk lima bulan pertama tahun 2004 kekal rendah pada kadar 1.1% (1.2% pada Januari-Mei 2003). Kadar inflasi tahunan pada bulan Mei juga kekal rendah pada kadar 1.2% (1% pada bulan April), dengan kenaikan kecil dalam harga bahan makanan; sewa kasar, bahan api dan kuasa; di samping minuman dan tembakau. Peningkatan harga bagi pengangkutan dan perhubungan juga lebih tinggi sedikit, mencerminkan kenaikan harga runcit produk yang berkaitan dengan petroleum, yang dilaksanakan sejak 1 Mei 2004.



Inflasi terus rendah pada bulan Mei

Harga pengeluar lebih tinggi

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar tahunan 11.2% pada bulan April (8.3% pada bulan Mac), mencerminkan terutamanya harga komoditi yang lebih tinggi, terutamanya harga getah, minyak mentah dan minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, pada asas bulanan, IHPR adalah lebih rendah sebanyak 0.1% disebabkan kemerosotan sedikit harga komoditi utama tersebut pada bulan April. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.8%.



Harga pengeluar meningkat disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi

Wang secara luas terus meningkat

Pengembangan monetari yang berterusan menyebabkan kadar pertumbuhan tahunan bagi ketiga-tiga agregat monetari dapat dikekalkan pada tahap yang tinggi. M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat pada kadar 16.8%, 10.6% and 10% pada akhir bulan Mei. Pinjaman bank yang kukuh merupakan pendorong utama pertumbuhan M3 pada bulan ini tetapi diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam deposit Kerajaan terutamanya disebabkan oleh penerbitan semula SKM 1/04.



Kadar pertumbuhan tahunan ketiga-tiga agregat monetari kekal tinggi pada bulan Mei

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 04	**Apr 04**	**Mei 04**	**Jan - Mei 04**
M3	7.8	4.0	1.9	24.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.9	1.0	-3.3	-8.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.5	0.1	6.4	10.3
Pinjaman	*1.5*	*1.6*	*5.9*	*13.1*
Sekuriti	*0.0*	*-1.4*	*0.5*	*-2.8*
Operasi luar bersih *	11.4	4.5	-2.7	35.1
Pengaruh lain	-3.1	-1.6	1.6	-12.3

* Sebelum penilaian semula

Kadar pertumbuhan tahunan jumlah deposit kekal tinggi

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 10.3%. Pada asas bulanan, jumlah deposit meningkat sedikit, iaitu sebanyak RM10 juta pada bulan Mei.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 04	**Apr 04**	**Mei 04**	**Jan - Mei 04**
Kerajaan Persekutuan	925	-773	184	-234
Kerajaan Negeri	227	65	281	618
Badan Berkanun [1]	-557	-1,030	-659	-2,901
Institusi Kewangan	2,555	1,669	-116	5,167
Perusahaan Perniagaan	4,667	2,888	286	9,851
Individu	2,234	1,342	-485	9,397
Lain-lain [2]	859	-68	518	1,530
Jumlah	10,911	4,093	10	23,428

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Pada bulan Mei, jumlah deposit meningkat sedikit

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 04	**Apr 04**	**Mei 04**	**Jan - Mei 04**
Deposit tetap	639	5,228	-2,385	11,119
NID	1,938	2,398	310	3,047
Deposit permintaan	1,594	-3,375	1,531	-27
Deposit tabungan	57	-19	-330	1,905
Perjanjian beli balik (Repo)	5,207	-98	-783	4,007
Deposit mata wang asing	-627	728	803	345
Deposit SPI	1,553	-889	503	1,717
Lain-lain	548	119	362	1,316
Jumlah	10,911	4,093	10	23,428

Aktiviti pinjaman bank kekal kukuh

Jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan dan pembiayaan melalui pasaran modal kekal pada tahap yang tinggi. Pembiayaan yang dikeluarkan pada bulan Mei berjumlah RM40.6 bilion, meningkat pada kadar 7.7% pada asas tahunan.



Pembiayaan kasar sektor swasta kekal pada tahap yang tinggi

Dalam sistem perbankan, penunjuk pinjaman utama terus memperlihatkan aktiviti berian pinjaman yang kukuh pada bulan Mei. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak RM38.4 bilion (RM39.2 bilion pada bulan April) atau kadar pertumbuhan tahunan 20.5% (12% pada bulan April). Kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebahagiannya mencerminkan kesan asas rendah yang bersifat sementara berikutan implikasi SARS ke atas ekonomi dalam negeri pada tahun 2003.

Pada bulan Mei, jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak RM5.4 bilion untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.3% (5.6% pada akhir bulan April) mencerminkan peningkatan pinjaman perniagaan dan isi rumah (masing-masing RM2.8 bilion dan RM2.5 bilion). Pinjaman kepada perniagaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan. Pada bulan ini, pengeluaran pinjaman kepada PKS adalah lebih tinggi berjumlah RM8.3 bilion (RM7.8 bilion pada bulan April). Dari segi pinjaman terkumpul, berian pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak RM1.1 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.8% pada akhir bulan Mei (4.6% pada akhir bulan April).

Kedua-dua penunjuk pinjaman ke hadapan iaitu jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan pinjaman, kekal pada paras yang tinggi, masing-masing berjumlah RM21.7 bilion atau peningkatan tahunan sebanyak 32.2% dan RM12.7 bilion atau peningkatan tahunan sebanyak 12.7%. Sejumlah RM2.4 bilion diluluskan kepada 6,946 akaun PKS pada bulan Mei.



Aktiviti pinjaman bank kekal kukuh pada bulan Mei



Pinjaman yang dikeluarkan adalah meluas

Terbitan sekuriti hutang swasta baru lebih tinggi

Pada bulan Mei, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi berjumlah RM5.2 bilion (RM1.8 bilion pada bulan April). Daripada jumlah ini, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta berjumlah RM0.9 bilion. Pada asas kasar, dana yang diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta baru oleh Cagamas dan lima syarikat berjumlah RM2.7 bilion (RM2.2 bilion pada bulan April). Daripada dana yang diperoleh oleh lima syarikat, 92% adalah untuk pembiayaan aktiviti baru. Pihak Kerajaan memperoleh RM4 bilion daripada penerbitan semula SKM 1/04 5-tahun. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh adalah lebih tinggi, berjumlah RM320.3 juta, terutama daripada terbitan hak (RM130.8 juta) dan lima tawaran awam awal (RM118.9 juta).



Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran modal adalah lebih tinggi

IK BSKL merosot 3.3% kepada 810.67 mata pada akhir bulan Mei berbanding pada akhir bulan April. IK BSKL dipengaruhi oleh perkembangan global dan serantau hampir sepanjang bulan, termasuk kebimbangan terhadap prospek kenaikan kadar faedah di AS dan kesan harga minyak yang lebih tinggi ke atas ekonomi global. Walau bagaimanapun, sentimen bertambah baik menjelang penghujung bulan berikutan pengumuman pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada suku ketiga dan laporan keuntungan suku tahunan yang melebihi jangkaan diumumkan oleh beberapa syarikat awam yang tersenarai. Permodalan pasaran adalah lebih rendah pada paras RM653.02 bilion (-4.7% semenjak akhir April) dan purata urus niaga harian adalah lebih rendah pada paras 366.15 juta unit pada tempoh ini.

Pada 25 Jun, IK BSKL ditutup lebih tinggi pada paras 824.23 mata (+1.7% semenjak akhir Mei) disokong oleh minat pembelian ke atas saham-saham mewah. Permodalan pasaran lebih tinggi sedikit pada paras RM655.79 bilion manakala purata urus niaga harian pada tempoh 1-25 Jun adalah lebih rendah pada paras 251.18 juta unit.



Pada 25 Jun, IK BSKL ditutup lebih tinggi

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM2 bilion atau AS$0.5 billion pada bulan Mei kepada RM204.9 bilion atau AS$53.9 bilion pada 31 Mei 2004. Peningkatan rizab pada bulan Mei disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan penggunaan pinjaman luar negeri. Aliran keluar pada tempoh ini mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, penghantaran balik dividen dan sedikit aliran keluar pelaburan portfolio. Rizab terus meningkat kepada RM205.1 bilion atau AS$54 bilion pada 15 Jun 2004, cukup untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan adalah 5.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Peningkatan rizab disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan penggunaan pinjaman luar negeri bersih

Kualiti aset bertambah di samping tahap permodalan yang tinggi

Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih bagi sistem perbankan terus menurun. Nisbah NPL bersih (6-bulan) menurun kepada 6.5% disebabkan oleh pengurangan NPL bersih sebanyak RM0.1 bilion dan kenaikan dalam jumlah pinjaman. Sementara itu, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bagi sistem perbankan kekal kukuh pada kadar 13.5%.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	Pada akhir tempoh								
	1998	1999	2000	2001	2002	2003	Mac 04	Apr 04	Mei 04
Modal (%)									
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	10.9	11.0	10.9
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.7	13.5	13.6	13.5
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.7	6.6	6.5
Jumlah (RM juta)	31,576	23,849	24,700	32,833	31,703	30,766	30,449	30,079	30,003
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi-institusi perbankan Islam.

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) terus menurun kepada 6.5%

Penunjuk Kekukuhan Modal



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing pada kadar 13.5% dan 10.9%

Bank Negara Malaysia
28 Jun 2004

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mac 04		Apr 04		Mei 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		47.0	9.0	47.5	11.1	46.5	7.9
M1		105.7	19.6	102.4	17.0	103.1	16.8
M2		439.5	12.5	443.3	12.4	443.6	10.6
M3		568.5	10.7	572.5	10.9	574.4	10.0
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		573.2	10.8	577.2	11.5	577.3	10.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		479.1	5.7	480.4	5.6	485.8	6.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		79.3		79.0		79.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		89.2		88.7		89.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		23.8	24.9	24.3	32.5	21.7	32.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.5	27.6	15.8	21.2	12.7	12.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.6	21.6	39.2	12.0	38.4	20.5
Pinjaman yang dibayar (pada tempoh berkenaan)		40.9	14.5	39.0	12.7	34.6	12.9
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.6		13.5	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.7		6.6		6.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		195.1		202.9		204.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		51.3		53.4		53.9	
Bilangan bulan import tertangguh		7.2		7.3		7.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)				2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.71 [2.71]		2.70 [2.72]		2.70 [2.70]	
	Seminggu	2.77 [2.74]		2.84 [2.76]		2.77 [2.80]	
	1 bulan	2.97 [2.98]		2.89 [2.97]		2.87 [2.88]	
	3 bulan	2.85 [2.85]		2.85 [2.85]		2.91 [2.89]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		6.00		6.00		5.98	
ALR bank perdagangan		6.10		6.08		6.07	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.0	1.0	105.2	1.0	105.5	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)		150.0	8.3	149.9	11.2		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.6522		4.5496		4.6381	
Paun Sterling		6.9667		6.7480		6.9740	
100 Yen Jepun		3.6334		3.4475		3.4616	
Dolar Singapura		2.2633		2.2303		2.2378	
100 Baht Thai		9.6239		9.4988		9.3792	
100 Peso Filipina		6.7580		6.7833		6.8070	
100 Rupiah Indonesia		0.0442		0.0437		0.0410	
100 Won Korea		0.3308		0.3237		0.3265	
Pasaran Modal							
Dana bersih yang diperoleh dari sektor:	awam	-0.5		2.0		4.0	
	swasta	-1.9		-0.2		1.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		901.9		838.2		810.7	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		724.2		685.6		653.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.